

PERSELISIHAN FAHAM PUNCA UTAMA PERCERAIAN

Oleh: Nur Athirah binti Mohd Saupi, 1171189

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 6 Jun 2020

Kebelakangan ini, semakin ramai pasangan suami isteri yang memilih perceraian sebagai jalan keluar terhadap masalah perkahwinan mereka.

Statistik yang dikeluarkan oleh Perkhidmatan Kaunter Urusan Perkahwinan dan Perceraian, Jabatan Pendaftaran Negara menunjukkan sebanyak 6,790 pasangan bercerai sepanjang Januari hingga Februari 2020.

Selain itu, kajian Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) mendapati lebih sepertiga perkahwinan berakhir dengan perceraian dalam tempoh lima tahun pertama perkahwinan.

Walaupun perceraian dibenarkan dalam Islam, perkara itu sebenarnya mengundang kemurkaan Allah SWT, seperti sabda Rasulullah SAW dalam hadis yang bermaksud: *“Perbuatan halal yang dimurkai Allah adalah talak” (Riwayat Abu Daud dan Hakim).*

Perselisihan faham menjadi punca utama yang menyebabkan terlerainya ikatan perkahwinan. Terdapat banyak punca di sebalik masalah yang berlaku antara suami dan isteri.

Salah satu daripadanya adalah kritikan yang melampau terhadap pasangan masing-masing. Si suami atau si isteri yang melakukan perbuatan sebegini lazimnya tidak mempedulikan sensitiviti pasangan yang dikritik.

Mungkin si suami berniat ingin menegur perbuatan isteri yang kurang disenanginya. Namun, apabila dikritik secara kasar atau keterlaluan, ego pasangan yang ditegur tercabar lantas enggan mengakui kelemahannya.

Maka, teguran yang kasar terhadap kesalahan yang remeh-temeh boleh melarat menjadi pergaduhan besar apabila kedua-dua suami dan isteri gagal mengawal emosi mereka.

Cemburu buta juga boleh menjadi punca perceraian, lebih-lebih lagi apabila si suami atau si isteri lebih cenderung membuat kesimpulan terhadap sesuatu perkara hanya dengan melihat dari sudut pandangannya sahaja.

Memang benar cemburu itu tanda sayang, namun jika sifat itu terlalu tebal dalam diri ia boleh menimbulkan masalah dalam perkahwinan sehingga melarat kepada perceraian.

Kehadiran pihak ketiga turut dikenal pasti sebagai salah satu faktor yang menyebabkan perceraian. Seperti yang dinyatakan oleh bekas Ketua Hakim Mahkamah Syariah, Tan Sri Ibrahim Lembang, pihak ketiga bukan sekadar merujuk kepada orang luar atau kekasih, malah merangkumi keluarga, saudara dan rakan-rakan.

Kebiasaannya, apabila berlaku perbalahan dengan mentua atau ipar-duai, si suami atau isteri lebih cenderung memihak kepada keluarganya.

Perkara yang sebaliknya berlaku apabila berlaku konflik antara pasangan terbabit di mana keluarga masing-masing mungkin campur tangan malah ada yang bersikap lebih sudu dari kuah.

Tidak dinafikan, perselisihan faham dalam perkahwinan merupakan satu perkara yang sukar untuk dielakkan. Bak kata pepatah, sedangkan lidah lagi tergigit, inikan pula suami isteri.

Walau bagaimanapun, usahlah terlalu mengikut kehendak hati yang marah sehingga hilang pertimbangan ketika berdepan konflik rumah tangga.

Sememangnya, dalam perkahwinan, setiap pasangan perlu mempunyai kesabaran dan tolak ansur yang tinggi agar setiap masalah yang dihadapi dapat ditangani dengan baik sekali gus memastikan jodoh berkekalan sehingga ke akhir hayat.



